

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans peniaga pajak gadai anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Insurans UOB Pawnbroker?

Insurans UOB pawnbroker direka untuk memberikan perlindungan kepada peniaga pajak gadai berlesen di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan dan/atau Akta Pajak Gadai 1972 dan/atau mana-mana badan/peraturan kerajaan berkaitan, apabila berkenaan.

Seksyen 1.01 polisi melindungi kehilangan atau kerosakan tidak disengajakan ke atas Stok dan Barangan yang diinsuranskan di premis perniagaan, akibat kebakaran, serangan ragut, penyamunan, pecah masuk atau kecurian.

- Perlindungan Tambahan Had Luar / Perlindungan Tambahan Penyerahan melindungi sebarang kerugian di dalam Malaysia selain di premis perniagaan atau di dalam mana-mana bank atau peti besi bank.
- Sambungan Kerugian Perampasan melindungi harta yang diinsuranskan sekiranya berlaku perampasan terhadap barang pajakan yang dicuri oleh polis atau pihak berkuasa berkaitan.

Terdapat juga sambungan pilihan di bawah:

- Seksyen 1.02 yang melindungi harta yang digadai sekiranya terbukti dipalsukan atau ditiru
- Seksyen 1.03 yang melindungi kehilangan atau kerosakan fizikal ke atas pengubahsuaian, perabot, peralatan tetap dan kelengkapan di premis perniagaan yang disebabkan oleh bahaya tertentu seperti kebakaran, kilat, rusuhan dan mogok, kemalangan pesawat, letupan, gempa bumi, ribut angin dan pecah paip.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM1,500** [setahun] dan Jumlah Diinsuranskan **RM500,000** (anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut:

Polisi ini melindungi :	Polisi ini tidak melindungi :
<ul style="list-style-type: none">• kehilangan atau kerosakan tidak disengajakan ke atas Stok dan Barangan yang diinsuranskan di premis perniagaan di bawah Seksyen 1.01 akibat kebakaran, serangan ragut, rompakan/hold-up, pecah rumah/pecah masuk atau kecurian.	<ul style="list-style-type: none">• Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh penipuan, ketidakjujuran atau helah yang berniat tidak jujur.• Kehilangan atau kerosakan akibat rompakan, pecah masuk, kecurian atau sebarang cubaan sedemikian kecuali disertai dengan pemecahan masuk atau keluar premis perniagaan secara paksa dan ganas.• Kehilangan atau kerosakan harta susulan pecahan dan/atau kerosakan secara tidak sengaja.• Kehilangan atau kerosakan harta susulan stok yang sedang diusahakan, hilang semasa kira stok, atau kecurian/kehilangan dari atau dalam kenderaan di jalan raya.

Diskaun Pembaharuan Tanpa Tuntutan 15%

Jika tiada tuntutan dibuat atau dilaporkan sepanjang tempoh polisi, diskaun akan diberikan semasa pembaharuan polisi. Bagi polisi yang diperbaharui lebih awal tetapi tuntutan dibuat sebelum tarikh tamat polisi, Syarikat berhak menuntut kembali diskaun tersebut daripada pemegang polisi; tanpa mengira sama ada tuntutan tersebut diterima atau tidak.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 88 8990



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM1,500.00 (setahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak Berkenaan
Premium Kasar	RM1,500.00 (setahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM120.00
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM1,630.00 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen	15% daripada Premium Kasar atau RM225.00
Nota:	
<ul style="list-style-type: none">• Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad.• Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.	

4 Terma-Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none">• Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda.• Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda.• Kepentingan insurans: Anda mesti mempunyai kepentingan yang boleh diinsuranskan dalam harta benda yang diinsuranskan. Ini bermaksud anda akan mengalami kerugian kewangan jika harta benda tersebut hilang atau rosak.• Jumlah Diinsuranskan: Anda mesti memastikan harta benda anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai. Jumlah diinsuranskan hendaklah dipantau dan disemak secara berkala untuk memastikan ia mewakili kos penuh membina semula atau nilai penuh harta benda anda bagi mengelakkan insurans tidak mencukupi. Jika tidak, anda perlu menanggung bahagian kerugian secara berkadar sekiranya harta benda yang diinsuranskan mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada jumlah diinsuranskan pada masa kerugian.• Sekatan Geografi / Pelbagai Kedai Pajak Gadai di Lokasi Berbeza:<ul style="list-style-type: none">- Polisi ini disediakan untuk perniagaan dalam wilayah Malaysia dan terhad kepada lokasi yang dinyatakan (alamat penuh) dalam Jadual Polisi. Pemilik/peniaga pajak gadai yang mempunyai beberapa kedai/lokasi hendaklah memaklumkan/menyatakan lokasi yang ingin dilindungi. Setiap lokasi akan diunderait secara berasingan berdasarkan merit dan ciri perlindungan keselamatan yang tersedia, setelah diterima oleh Liberty, Jadual Polisi dan/atau endorsemen yang dikeluarkan akan mencerminkan Lokasi-lokasi tersebut.- Untuk transit antara cawangan dan/atau ke bank atau peti besi bank, kami boleh menyediakan Sambungan Had Luar dan/atau Sambungan Penyerahan Luar. Perkara ini mesti dinyatakan dalam Borang Proposer anda, dan penerimaannya tertakluk kepada penilaian pengunderaitan.• Premium: Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh Liberty General Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan kami berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko.• Tuntutan: Anda mesti memaklumkan kami segera tentang sebarang tuntutan dan mengambil langkah yang munasabah untuk meminimumkan kerugian atau kerosakan.• Anda dikehendaki menyimpan rekod terperinci bagi semua jualan, pembelian dan transaksi lain untuk tujuan pemeriksaan. <p>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium.
- Tiada bayaran balik premium jika minimum premium dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.